

**PERSEPSI PENERIMAAN MURID TERHADAP PELAKSANAAN MODEL *FLIPPED CLASSROOM PEER INSTRUCTION* DALAM MATA PELAJARAN SEJARAH
(Students Acceptance Perception of Implementation Flipped Classroom Peer Instruction Model on History Subject)**

*M. Kaviza

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok, Kedah, Malaysia

*Corresponding author's email: kavizakaviza@yahoo.com

Article History:

Submit: 19 April 2019

Accepted: 14 May 2019

Revised: 23 May 2019

Published: 31 December 2019

Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education

Vol. 3, No. 2 (2019), 39-47

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap persepsi penerimaan murid berprestasi tinggi dan murid berprestasi rendah terhadap pelaksanaan Model Flipped Classroom Peer Instruction dalam mata pelajaran sejarah di sekolah menengah. Kajian ini berbentuk tinjauan dengan menggunakan soal selidik yang diadaptasi yang telah disahkan oleh dua orang pakar penilai dalam bidang pendidikan sejarah yang berpengalaman dan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik. Seramai 61 orang murid Tingkatan Empat melalui teknik persampelan bertujuan-rawak berstrata terlibat dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap persepsi penerimaan murid terhadap pelaksanaan Model Flipped Classroom Peer Instruction dalam mata pelajaran sejarah di sekolah menengah berada pada tahap tinggi. Selain itu, tahap persepsi penerimaan murid berprestasi tinggi terhadap pelaksanaan Model Flipped Classroom Peer Instruction adalah lebih tinggi berbanding dengan murid berprestasi rendah. Namun begitu, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min persepsi penerimaan terhadap pelaksanaan Model Flipped Classroom Peer Instruction di sekolah menengah berdasarkan tahap pencapaian murid. Implikasi kajian ini telah mencadangkan bahawa guru-guru sejarah perlulah mempraktikkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang inovatif selaras dengan perkembangan strategi pembelajaran abad ke-21 dan penggunaan teknologi maklumat.

Kata kunci: Model Flipped Classroom Peer Instruction, murid berprestasi tinggi dan rendah, persepsi penerimaan

Abstract

This aims of this study is to identify the level of perception of higher and lower achievement students towards the implementation of the Flipped Classroom Peer Instruction model in secondary school subjects. This is a survey study using adaptive questionnaires that has been verified by two experiences expert in the field of history education and have good reliability value. A total of 61 Form Four students through random sampling techniques were involved in this study. The findings of this study show that the level of student acceptance perception towards the implementation of the Flipped Classroom Peer Instruction model in secondary school is at high level. Furthermore, the level of higher student acceptance perception on the implementation of Flipped Classroom Peer Instruction model is higher than lower achievement students. However, the findings also showed that there is no significant difference in the mean score of the acceptance perception of the implementation of the Flipped Classroom Peer Instruction model in secondary schools based on the student achievement level. The implication of this study has suggested that history teachers should be actively implement the innovative teaching and learning methods in the the classroom in line with the development of 21st century learning strategies and the use of information technology among students.

Keywords: *Flipped classroom Peer Instruction model, higher and lower achievement students, acceptance perception*

1.0 PENGENALAN

Kualiti pembelajaran yang mampu memenuhi matlamat dan hala tujuan negara adalah ditentukan melalui keberkesanan sesuatu kaedah pengajaran yang dilaksanakan (Azlina A. Rahman, Baharuddin Aris, Hasnah Mohamed, Norasykin Mohd Zaid & Zaleha Abdullah, 2014). Sehubungan dengan itu, perkembangan teknologi maklumat dalam proses pengajaran dan pembelajaran bukanlah suatu fenomena yang baru lagi dalam konteks pendidikan di Malaysia (Rossafri Mohamad & Wan Ahmad Jaafar Wan Yahya, 2007; Lee, 2013). Hal ini kerana teknologi berperanan untuk meningkatkan motivasi dan minat dalam kalangan murid dengan mengubah peranan guru sebagai pemudahcara, di samping untuk meningkatkan peluang kepada murid untuk melibatkan diri secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah. Oleh itu, perkembangan teknologi maklumat ini telah menimbulkan reaksi positif kepada para guru untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran sedia ada dengan matlamat untuk mengubah persepsi murid yang melabelkan mata pelajaran sejarah sebagai mata pelajaran bosan (Hazri Jamil, 2003) dan memantapkan ilmu sejarah dan kemahiran belajar sejarah dalam kalangan murid (Mohd Samsudin & Shahizan Shaharudin, 2012). Maka, pelaksanaan model *Flipped Classroom Peer Instruction* merupakan suatu inovasi dalam kaedah pengajaran sejarah yang berteraskan kepada penggunaan teknologi maklumat dan strategi pembelajaran berpusatkan murid yang berpotensi dilaksanakan dalam mata pelajaran sejarah di sekolah menengah bagi memastikan hasil pembelajaran yang ditetapkan dapat dicapai.

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

2.1 Model Flipped Classroom

Model *Flipped Classroom* atau lebih dikenali sebagai *inverted classroom* (Baker, 2000; Lage, Plant, Tregilia, Lage, 2000) merupakan salah satu pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid yang telah diperkenalkan pada tahun 2000 dan kini dipraktikkan dengan meluas dalam semua peringkat pendidikan. Model *Flipped Classroom* berpotensi untuk membantu mewujudkan suasana persekitaran pembelajaran yang aktif dalam konteks pembelajaran di dalam kelas (Siegle, 2013). Sungguhpun begitu, model pendekatan ini telah mula mendapat perhatian daripada warga pendidik apabila model tersebut telah dipopularkan oleh Bergmann dan Sams (2009) menerusi penggunaan video rakaman dan aktiviti pembelajaran atas talian. Model *Flipped Classroom* mempunyai dua fasa pembelajaran iaitu fasa pembelajaran di rumah dan fasa pembelajaran di dalam kelas yang menyediakan ruang dan peluang kepada murid untuk belajar secara terarah sendiri mengikut kemampuan diri, di samping belajar untuk membina pengetahuan melalui pengalaman yang disertakan dengan bimbingan daripada guru dan rakan-rakan yang lain (Lowell, Utah, Verleger, & Beach, 2013). Peningtegrasian teknologi dalam model *Flipped Classroom* dapat membantu murid untuk meningkatkan pemahaman murid dalam menguasai pelajaran yang sukar dipelajari, di samping dapat meningkatkan pencapaian murid, menjana interaksi aktif antara guru dan murid serta mewujudkan aktiviti kolaborasi antara mereka (Herreid & Schiller, 2013). Adalah diakui bahawa pelaksanaan model *Flipped Classroom* dalam sistem pendidikan di Malaysia masih baru yang dibuktikan dalam tinjauan kajian-kajian lepas yang memfokuskan kepada aspek penerimaan guru, kesediaan murid, pembangunan modul dan penglibatan murid (Siti Hajar Halili & Sumathy Ramas, 2019; Rozinah Jamaludin & Siti Zuraidah Md Osman, 2014; Thivilojana Perinpasingam, Ng, Nor Hayati Hussian & Nalini Arumugam, 2016; Mohammad Amin Embi, Supyan Hussian & Ebrahim Panah, 2014; Zamzami Zainuddin & Siti Hajar Halili, 2016). Namun, pelaksanaan model ini dalam mata pelajaran sejarah didapati masih terhad walaupun Fulton (2012) dalam artikelnya telah menyenaraikan kelebihan-kelebihan pelaksanaan model *Flipped Classroom* dalam proses pengajaran dan pembelajaran seperti penerapan proses pembelajaran sendiri, memfokuskan kepelbagaian ciri-ciri murid, penggunaan masa secara berkesan, peningkatan minat, penglibatan dan sebagainya.

2.2 Teknik Peer Instruction


Teknik *Peer Instruction* yang telah diasaskan oleh Eric Mazur adalah merupakan salah satu teknik pembelajaran yang berpotensi digunakan bagi meningkatkan pemahaman konsep sejarah dalam kalangan murid. Teknik *Peer Instruction* merupakan teknik pembelajaran yang berpusatkan murid yang menggunakan soalan-soalan objektif melalui ujian konsep (*concept test*) untuk meningkatkan penglibatan aktif murid terhadap aktiviti pembelajaran bagi mengelakkan berlakunya kesalahfahaman konseptual dalam mata pelajaran fizik (Crouch & Mazur, 2001; Johnson & Johnson, 1990; Mazur, 1997). Ujian konsep yang berbentuk item objektif dengan jawapan aneka pilihan diperkenalkan dalam teknik ini yang dapat menyediakan pengalaman pembelajaran sejarah yang menarik. Guru-guru boleh memberikan sebarang

bentuk bahan pengajaran dan pembelajaran seperti video, nota, slaid, dan sebagainya kepada murid untuk dibaca dan difahami, kemudiannya guru boleh mengenalpasti sejauh manakah pemahaman murid melalui ujian konsep ini yang dirujuk sebagai penilaian formatif (Crouch & Mazur, 2001; Kreiner & Burns, 2010) dengan tujuan maklum balas segera dapat diperolehi. Terdapat tujuh langkah pelaksanaan teknik *Peer Instruction* yang disarankan oleh Mazur, (1997) adalah seperti berikut:

- a) Guru mengemukakan soalan (ujian konsep) berkaitan bahan pengajaran
- b) Murid diberikan 1 hingga 2 minit untuk berfikir
- c) Murid menjawab soalan secara individu dengan mengangkat kad jawapan
- d) Murid berbincang dengan rakan sebelah berkaitan dengan pemilihan jawapan
- e) Murid menjawab semula soalan dengan mengangkat kad jawapan
- f) Guru memberikan maklum balas terhadap pemilihan jawapan
- g) Guru memberikan penerangan kepada jawapan yang betul

2.3 Model Flipped Classroom Peer Instruction

Dalam kajian ini pengkaji telah merekabentuk aktiviti pengajaran sejarah dengan menggabungkan model *Flipped Classroom* dan teknik *Peer Instruction* yang dikenali sebagai model *Flipped Classroom Peer Instruction* seperti ditunjukkan pada rajah 1. Kombinasi model *Flipped Classroom* pula telah mengubah kaedah kuliah di dalam kelas dengan aktiviti latihan pengukuhan dan teknik *Peer Instruction* yang merupakan teknik pembelajaran yang berpusatkan murid dengan memfokuskan kepada proses pembelajaran secara kolaboratif adalah bertujuan untuk memaksimumkan proses pembelajaran murid di dalam kelas yang merupakan salah satu inovasi dalam kaedah pengajaran sedia ada (Faulkner & Green, 2015; Rowley & Green, 2015).



Rajah 1: Model Flipped Classroom Peer Instruction

3.0 PERNYATAAN MASALAH

Tidak dapat disangkal bahawa pelaksanaan model *Flipped Classroom* dalam mata pelajaran sejarah masih kurang jika dibandingkan dengan pelaksanaannya dalam bidang-bidang lain seperti bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik dan sebagainya yang telah mencadangkan keperluan untuk mengintegrasikan model *Flipped Classroom* secara lebih efisien (Chung, 2017; Herreid & Schiller, 2012). Sungguhpun begitu, pelaksanaan model *Flipped Classroom* telah memberikan kesan positif dalam konteks pendidikan sejarah dari aspek penggunaan sumber primer atas talian (Westermann, 2014), efikasi murid (Atasi Mohanty & Dipti Parida, 2016), penulisan sejarah (Murphree, 2014; 2015), penggunaan *screencast* (Synder, Paska & Besozzi, 2014; Synder, Besozzi, Paska, & Oppenlander, 2016), persepsi penerimaan guru (Gaughan, 2014; Viera & Riberia, 2018) dan peningkatan pencapaian sejarah (Siti Waznah Abdul Latif et al, 2018). Oleh kerana berdasarkan analisis terhadap kajian-kajian tersebut mendapati bahawa aspek penglibatan aktif dan pemahaman konsep sejarah dalam kalangan murid yang mengambil mata pelajaran sejarah masih terhad

telah memberi cadangan kepada pengkaji untuk mengintegrasikan teknik *Peer Instruction* dengan Model *Flipped Classroom*. Namun, persepsi penerimaan murid terhadap pelaksanaan model *Flipped Classroom Peer Instruction* masih belum diketahui walaupun model pengajaran tersebut telah dibuktikan adalah berkesan untuk meningkatkan pemahaman konsep sejarah dan kemahiran berfikir kritis dalam kalangan murid Tingkatan Empat yang mengambil mata pelajaran Sejarah (Kaviza, 2018; 2019). Maka, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap persepsi penerimaan murid berpencapaian tinggi dan murid berpencapaian rendah terhadap pelaksanaan model *Flipped Classroom Peer Instruction*.

4.0 SOALAN KAJIAN

Soalan kajian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- Apakah tahap persepsi penerimaan murid terhadap pelaksanaan model *Flipped Classroom Peer Instruction*?
- Apakah tahap persepsi penerimaan murid berpencapaian tinggi terhadap pelaksanaan model *Flipped Classroom Peer Instruction*?
- Apakah tahap persepsi penerimaan murid berpencapaian rendah terhadap pelaksanaan model *Flipped Classroom Peer Instruction*?
- Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor min persepsi penerimaan murid terhadap pelaksanaan model *Flipped Classroom Peer Instruction* antara murid berpencapaian tinggi dengan murid berpencapaian rendah?

5.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk kajian tinjauan (Cresswell, 2014) ini melibatkan seramai 61 orang murid Tingkatan Empat iaitu 30 orang murid berpencapaian tinggi dan 31 orang murid berpencapaian rendah terlibat dalam kajian ini melalui teknik persampelan bertujuan-rawak berstrata (Othman Talib, 2013) dari tiga buah kelas di sebuah sekolah menengah harian di utara Semenanjung Malaysia. Murid-murid dibahagikan kepada murid berpencapaian tinggi (Gred A, B dan C) dan murid berpencapaian rendah (Gred D, E dan F) mengikut keputusan piawai dalam Penilaian Tingkatan Tiga (PT3) pada tahun sebelumnya seperti dicadangkan oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) di negeri tersebut. Murid-murid telah mengikuti kaedah pengajaran dan pembelajaran sejarah di dalam kelas dengan menggunakan model *Flipped Classroom Peer Instruction* selama dua bulan bagi topik Perkembangan di Eropah. Instrumen kajian ini terdiri daripada soal selidik yang telah diadaptasi daripada kajian Zahara Aziz dan Nurliah Jair, (2009) dan telah disahkan oleh dua orang pakar penilai dalam bidang pendidikan sejarah serta memperoleh nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alfa* sebanyak 0.87 yang dianggap nilai yang sangat baik (Nunnally, 1978). Data kajian ini dianalisis secara statistik deskriptif iaitu min (M) dan sisihan piawai (SD) dan statistik inferensi iaitu ujian-t sampel tak bersandar dengan menggunakan perisian pengaturcaraan "IBM SPSS Statistics". Interpretasi tahap persepsi penerimaan murid dalam kajian ini dilakukan berdasarkan tiga tahap seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Tahap Persepsi Penerimaan Murid

Skor Min	Tahap
3.67-5.00	Tinggi
2.34-3.66	Sederhana
1.00-2.33	Rendah

Sumber: Jamil Ahmad, (2002)

6.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian berdasarkan empat soalan kajian yang dinyatakan.

6.1 Soalan Kajian 1

Apakah tahap persepsi penerimaan murid terhadap pelaksanaan model *Flipped Classroom Peer Instruction*?

Berdasarkan Jadual 2, tahap persepsi penerimaan murid terhadap pelaksanaan model *Flipped Classroom Peer Instruction* ($M=3.72$, $SD=0.38$) berada pada tahap tinggi. Maka, dapat dirumuskan bahawa tahap persepsi penerimaan murid secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi dan dapatan kajian ini adalah selaras dengan kajian Butt, (2014) yang melaporkan pelaksanaan model *Flipped Classroom* dalam kursus sains di universiti yang berupaya untuk mengubah sikap positif dalam kalangan murid. Sungguhpun begitu, pengintegrasian teknik *Peer Instruction* dengan *Flipped Classroom* dalam kajian ini telah menyebabkan murid lebih berminat dengan proses pengajaran dan pembelajaran sejarah yang lebih menarik dan inovatif (Stone, 2012; Strayer, 2012; Nitta, 2010; Turpen & Finkelstein, 2009).

Jadual 2: Tahap Persepsi Penerimaan Murid Terhadap model *Flipped Classroom Peer Instruction*

	M	SD	Tahap
Persepsi penerimaan	3.72	0.38	Tinggi

6.2 Soalan Kajian 2

Apakah tahap persepsi penerimaan murid berpencapaian tinggi terhadap pelaksanaan model *Flipped Classroom Peer Instruction*?

Berdasarkan Jadual 3, tahap persepsi penerimaan murid berpencapaian tinggi terhadap pelaksanaan model *Flipped Classroom Peer Instruction* ($M=3.76$, $SD=0.32$) berada pada tahap tinggi. Maka, dapat dirumuskan bahawa tahap persepsi penerimaan murid berpencapaian tinggi terhadap pelaksanaan model *Flipped Classroom Peer Instruction* berada pada tahap tinggi dan dapatan ini seiring dengan kajian Porter, Bailey, Simon, Cutts dan Zingaro, (2011) dan kajian Simon dan Cutts, (2012) yang melaporkan bahawa murid yang mempunyai pengetahuan sedia ada berpendapat bahawa mereka lebih berkebolehan untuk menjawab soalan-soalan aras tinggi apabila mereka diberikan peluang untuk memahami kandungan bahan pembelajaran dengan lebih baik. Pendapat Porter et al, (2011) dan Simon dan Cutts, (2012) ini adalah bertentangan dengan pendapat Mason, Shuman dan Cook, (2013) yang menjelaskan semua murid didapati lebih yakin dalam mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran sejarah di dalam kelas melalui model *Flipped Classroom*.

Jadual 3: Tahap Persepsi Penerimaan Murid Berpencapaian Tinggi Terhadap model *Flipped Classroom Peer Instruction*

	M	SD	Tahap
Persepsi penerimaan	3.76	0.32	Tinggi

6.3 Soalan Kajian 3

Apakah tahap persepsi murid berpencapaian rendah terhadap pelaksanaan model *Flipped Classroom Peer Instruction*?

Berdasarkan Jadual 4, tahap persepsi penerimaan murid berpencapaian rendah terhadap pelaksanaan model *Flipped Classroom Peer Instruction* ($M=3.67$, $SD=0.42$) berada pada tahap tinggi. Maka, dapat dirumuskan bahawa tahap persepsi penerimaan murid berpencapaian rendah berada pada tahap tinggi dan dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian Lasry, Mazur dan Watkins, (2008) dan Lockwood, Bay dan Esselstein, (2013) yang menjelaskan bahawa pelaksanaan aktiviti pembelajaran kolaboratif dapat meningkatkan tahap penglibatan dalam kalangan murid yang berbeza tahap kebolehan. Pendapat ini adalah seiring dengan pendapat Pang dan Yap, (2014) yang menerangkan bahawa keberkesanan pelaksanaan sesuatu kaedah pengajaran secara efektif membolehkan hasil pembelajaran yang dirancang dapat dicapai dalam kalangan murid yang mempunyai ciri demografi yang tertentu.

Jadual 4: Tahap Persepsi Penerimaan Murid Berpencapaian Rendah Terhadap model *Flipped Classroom Peer Instruction*

	M	SD	Tahap
Persepsi penerimaan	3.67	0.42	Tinggi

6.4 Soalan Kajian 4

Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor min persepsi penerimaan murid terhadap pelaksanaan model *Flipped Classroom Peer Instruction* dalam mata pelajaran sejarah antara murid berpencapaian tinggi dengan murid berpencapaian rendah?

Bagi menjawab soalan kajian di atas, maka hipotesis nol (H_0) telah dibentuk untuk diuji pada aras kesignifikan ($p=0.05$) seperti berikut:

H_{01} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min persepsi penerimaan murid terhadap pelaksanaan model *Flipped Classroom Peer Instruction* dalam mata pelajaran sejarah antara murid berpencapaian tinggi dengan murid berpencapaian rendah.

Berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan ($F=1.04$, $p=0.31$), keputusan ujian-t sampel tak bersandar dalam Jadual 5 telah melaporkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min persepsi penerimaan [$t(59)=0.88$, $p=0.39$] bagi murid berpencapaian tinggi dengan murid berpencapaian rendah. Justeru, H_{01} berjaya ditolak. Maka, dapat disimpulkan bahawa skor min persepsi penerimaan murid berpencapaian tinggi dan murid berpencapaian rendah adalah sama terhadap pelaksanaan model *Flipped Classroom Peer Instruction* dalam mata pelajaran sejarah. Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian Babak Sohrabi dan Hamidah Iraj, (2018) yang telah melaporkan faktor demografi murid tidak mempengaruhi tingkah laku murid dalam pelaksanaan model *Flipped Classroom* dengan menggunakan media digital dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Namun begitu, dapatan kajian ini adalah bertentangan dengan kajian-kajian lepas yang menjelaskan bahawa persepsi penerimaan murid terhadap keberkesanan pelaksanaan sesuatu kaedah pengajaran adalah dipengaruhi oleh tahap pencapaian murid (Mohd Ali Samsudin, Kamisah Osman & Lilia Halim, 2007; Cabi, 2018).

Jadual 5: Ujian-t Sampel Tak Bersandar bagi Perbezaan Skor Min Persepsi Penerimaan Terhadap model *Flipped Classroom Peer Instruction*

	Ujian Levene's		Ujian-t bagi persamaan min						
	F	Sig.	t	df	p	Perbezaan min	Min ralat piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan	
								Bawah	Atas
Perbezaan skor min	1.04	0.31	0.88	59	0.39	0.08	0.10	-0.11	0.28

7.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, pelaksanaan model *Flipped Classroom Peer Instruction* sebagai kaedah pengajaran sejarah memberikan kesan positif dalam kalangan murid. Hal ini dapat membuktikan bahawa model *Flipped Classroom Peer Instruction* adalah sesuai dilaksanakan dalam sistem pendidikan sejarah di sekolah menengah sebagai langkah inovasi dalam kaedah pengajaran sejarah sedia ada yang telah mewujudkan suasana pembelajaran yang kurang menarik dan bosan dalam kalangan murid. Justeru, kajian ini memberi impak positif kepada pelaksanaan kurikulum sejarah dengan memberi penekanan kepada teknologi maklumat seperti dicadangkan dalam matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang menggalakkan inovasi dalam kaedah pengajaran sedia ada. Implikasi kajian ini telah mencadangkan kepada guru-guru untuk melaksanakan pengajaran sejarah berdasarkan model *Flipped Classroom Peer Instruction* dalam kalangan murid yang berbeza tahap pencapaian dengan memaparkan sumber maklumat kepada pihak sekolah, pihak PPK dan pihak KPM untuk membantu dan bekerjasama dalam mengintegrasikan model pengajaran tersebut di sekolah secara intensif selaras dengan proses perubahan sistem pendidikan kini yang berteraskan teknologi maklumat. Sehubungan itu, persepsi penerimaan murid terhadap model *Flipped Classroom Peer Instruction* yang melibatkan sampel kajian yang memfokuskan kepada aspek jantina, lokasi sekolah dan sebagainya adalah dicadangkan sebagai kajian masa hadapan bagi mendapatkan suatu gambaran yang menyeluruh terhadap pelaksanaan model pengajaran tersebut dalam mata pelajaran sejarah.

8.0 RUJUKAN

- Aidinopoulou, V., & Sampson, D. (2017). An Action Research Study From Implementing the Flipped Classroom Model in Primary School History Teaching and Learning. *Educational Technology & Society*, 20(1), 237-247.
- Atasi Mohanty & Dipti Parida. (2016). Exploring the Efficacy and Suitability of Flipped Classroom Instruction at school level in India: A pilot Study. *Creative Education*, 7, 768-776.

- Azlina A. Rahman, Baharuddin Aris, Hasnah Mohamed, Norasykin Mohd Zaid & Zaleha Abdullah, (2014). Flipped Classroom Dalam Konteks Malaysia. *Konvensyen Antarabangsa Jiwa Pendidik*, 11-13 Ogos 2014.
- Babak Sohrabi & Hamidah Iraj, (2018) Implementing flipped classroom using digital media: A comparison of two demographically different group perceptions. *Computers in Human Behavior*, 60, 514-524
- Baker, J. W. (2000). The 'Classroom Flip': Using Web Course Management Tools to Become the Guide by the Side. In J. A. Chambers (Ed.), *Selected Papers from the 11th International Conference on College Teaching and Learning* (pp. 9-17). Jacksonvill: Florida Community College.
- Bergmann, J., & Sams, A. (2009). Remixing chemistry class: two Colorado teachers make vodcast of their lectures to free up class time for hands on activities. *Learning and Leading with Technology*, 22-17.
- Butt, A. (2014). Students views on the use of a flipped classroom approach. *Evidence from Australia*, 6(1), 33-44.
- Cabi, E. (2018). The Impact of the Flipped Classroom Model on Students Academic Achievement. *International Review of Research in Open and Distributed Learning*, 19(3), 1-20.
- Chung Kwan Lo. (2017). Examining the Flipped Classroom through Action Research. *Mathematics Teacher*, 110(8), 624-627.
- Creswell, J. W. (2014). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (4th Eds). New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Crouch, C.H., & Mazur, E. (2001). Peer Instruction: Ten Years of Experiences and Result. *American Journal of Physics*, 69, 670-977.
- Faulkner, T. & Green, J. (2015). The Peer Instruction Flipped Learning Model. *Implementation and Critical Assessment of the Flipped Classroom experience*, 196-217.
- Fulton, K. (2012). 10 reasons to flip. *Phi Delta Kappan*, 94(2), 20-24.
- Gaughan, J.E. (2014). "The Flipped Classroom in World History". *Journal The History Teacher*, 47(2), 221-244.
- Hazri Jamil. (2003). *Teknik mengajar Sejarah*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Herreid, C.F., & Schiller, N.A. (2013). Case studies and the flipped classroom. *Journal of College Science Teaching*, 42(5), 62-66.
- Jamil Ahmad. (2002). *Pemupukan Budaya Penyelidikan di Kalangan Guru di Sekolah: Satu Penilaian*. Tesis Ijazah Kedoktoran, Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Johnson, D.W., & Johnson, R.T. (1990). *Active Learning Cooperative an Individualistic Learning*. Boston: Allyn and Bacon.
- Kalman, C.S., Bolotin, M., & Antimirova, T. (2010). Comparison of the effectiveness of collaborative groups and peer instruction in a large introductory physics course for science majors. *Canadian Journal of Physics*, 88(5), 325-332.
- Kaviza, M. (2018). Kesan Penggunaan Teknik Peer Instruction dengan Pendekatan Kelas Flipped terhadap Pencapaian Pemahaman Konsep Sejarah. *Journal of ICT in Education*, 5(1), 14-26.
- Kaviza, M. (2019). Kesan Kaedah Flipped Classroom dengan Teknik Peer Instruction Terhadap Kemahiran Berfikir Kritis. *e-Bangi*, 16(5), 1-12.
- Keiner, L.E., & Burns, T.E. (2010). Interactive engagement: How much is enough? *The Physics Teacher*, 48(2), 108-111.
- Lage, M.J., Platt, G.J., & Tregilia, M. (2000). Inverting the Classroom: A Gateway to Creating an Inclusive Learning Environment. *The Journal of Economic Education*, 32(1), 30-43.
- Lasry, N., Mazur, E., & Watkins, J. (2008). Peer Instruction: from Harvard to the two years college. *American Journal of Physics*, 76(11), 1066-1069.
- Lee Bih Ni. (2013, Ogos). *ICT dan Pengajaran-Pembelajaran Sejarah di Sekolah*. Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi 2013, Universiti Malaysia Sabah, 106-115
- Lockwood, K., Bay, C.S.U.M., & Esselstein, R. (2013). The inverted Classroom and the CS Curriculum, 113-118.
- Lowell, J., Utah, B., Verleger, M.A., & Beach, D. (2013). *The Flipped Classroom: A survey of the research*. 120th ASEE Annual Conference Expo.
- Mason, G.S., Shuman, T.R., Cook, K.E. (2013). Comparing the effectiveness of an inverted classroom to a traditional classroom in an upper division engineering course. *IEEE Transactions on Education*, 56(4), 430-435.
- Mazur, E. (1997). *Peer Instruction: A User's Manual*. Upper Saddle River: Prentice Hall.

- Mohd Ali Samsudin, Kamsiah Osman & Lilia Halim. (2007). Kesan Penggunaan Perancangan Kognitif dalam Pembelajaran Berasaskan Masalah terhadap Strategi Metakognitif, Pemikiran Saintifik dan Pencapaian Pelajar dalam Mata Pelajaran Sejarah. *Jurnal Pendidikan*, 27(1), 101-117.
- Mohd Samsudin & Shahizan Shaharudin. (2012). Pendidikan dan Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah di Malaysia. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 39(2), 116-141.
- Mohammad Amin Embi, Supyan Hussin & Ebrahim Panah (2014). Flipped Learning Readiness among Graduate and Post graduate students in UKM. *Blended & Flipped Learning: Case Studies in Malaysian HEIs*.
- Murphree, D.S. (2015). "Flipping The History Classroom With An Embedded Writing Consultant: Synthesizing Inverted And WAC Paradigms In A University History Survey Course". *Journal the Social Studies* 106. P218-225.
- Murphree, D.S. (2014). "Writing Wasn't Really Stressed, Accurate Historical Analysis Was Stressed: Student Perceptions In-Class Writing in the Inverted, General Education, University History Survey Course". *Journal The History Teacher*, 47(2), 209-219.
- Nitta, H. (2010). Mathematics theory of peer instruction dynamics. *Physical Review Special Topics – Physics Education Research*, 6(2), 1-4.
- Nokes, J.D. (2014). Elementary students' Roles and Epistemic Stances during Document Based History Lessons. *Theory & Research in Social Education*, 42, 375-413.
- Nunnally, J.C. (1978). *Psychometrie Theory* (2nd Ed). New York: McGraw Hill.
- Othman Talib. (2013). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Pang Nai Kiat., & Yap Tat Kwong. (2014 April). The Flipped Classroom Experience. *Conference on software Engineering Education and Training*, 39-43.
- Porter, L., Bailey, L.C., Simon, B., Cutts, Q., & Zingaro, D. (2011). A multi- classroom report on the value of peer instruction. In *Proceedings of the 16th Annual Joint Conference on Innovation and Technology in Computer Science Education*, Darmstadt, Germany
- Rossafri Mohamad & Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya. (2007, November). Impak Bahan Multimedia ke atas Mata Pelajaran Berbentuk Naratif: Satu Kajian terhadap Mata Pelajaran Sejarah. *International Malaysian Educational Technology Convention*, Sofitel Palm Resort, Johor Bharu, Malaysia, 920-929.
- Rowley, N. & Green, J. (2015). Just-in-time Teaching and Peer Instruction in the Flipped Classroom to Enhance Student Learning. *Education in Practice*, 2(1), 14-17.
- Rozinah Jamaludin & Siti Zuraidah Md Osman. (2014). The use of a flipped classroom to enhanced engagement and promote active learning. *Journal of Education and Practice*, 5(2), 124-131.
- Siegle, D. (2013). Technology: Differentiating Instruction by Flipping the Classroom. *Gifted Child Today*, 37(1), 51-55.
- Simon, B., & Cutts, Q. (2012). Peer Instruction: A teaching method to foster deep understanding. *Communications of the ACM*, 55(2), 27-29.
- Siti Waznah Abdul Latif, Rohani Matzin, Rosmawijah Jawawi, Mar Aswandi Mahadi, Jainatul Halida Jaidia, Lawrence MUNDIN & Masitah Shuhrrill, (2018). Implementing the Flipped Classroom Model in the teaching of History. *Journal of Education and Learning*, 1(4), 374-381.
- Stone, B.B. (2012). Flip your classroom to increase active learning and student engagement, 1-5.
- Strayer, J.F. (2012). Hoe learning in an inverted classroom influences cooperation, innovation and task orientation. *Learning Environment Research*, 15(2), 171-193.
- Synder, C., Besozzi, D., Paska, L., & Oppenlander, J. (2016). Is Flipping Worth the Fuss: A Mixed case study of Screencasting in the Social Studies Classroom. *American Secondary Education*, 45(1), 28-45.
- Thivilojana Perinpasingam, Ng, F.P., Nor Hayati Hussain & Nalini Arumugum. (2016). Design and Development of Experiencing Malaysian Architecture module through MOOCs. *Journal of Interdisciplinary Research in Education*, 6(1), 53-62.
- Turpen, C., & Finkelstein, N.D. (2009). Not all interactive engagement is the same: Variations in physics professors' implementation of peer instruction. *Physical Review Special Topics-Physics Education Research*, 5(2), 120101, 1-8.
- Viera, H., & Ribeiro, C.P. (2018). Implementing Flipped Classroom in History: The Reactions of Eight Grade Students in a postgraduate school. *Yesterday & Today*, 19, 35-49.
- Westermann, E.D. (2014). "A Half-Flipped Classroom or An Alternative Approach? Primary Sources and Blended Learning". *Journal Educational Research Quarterly*, 38(2).

- Zahara Aziz, and Nurliah Jair, (2009). Penggunaan peta konsep untuk meningkatkan pencapaian mata pelajaran sejarah bagi pelajar tingkatan dua. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34 (1), 3-15.
- Zamzami Zainuddin & Siti Hajar Halili. (2016). Flipped classrrom research and trends from different fields of study. *The International Review of Research in open and Distributed Learning*, 17(3), 313-340.